

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

# UNIPRENEUR FIESTA 2024

WACANA PNC 17

## UNIPRENEUR FIESTA 2024

14 NOVEMBER 2024

UiTM SABAH | PROF. TS. DR. SALMIAH KASOLANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan  
Salam Malaysia MADANI.

Tumbuh tinggi pohon angsansa,  
Tempat berehat burung tempua,  
Izinkan saya menitipkan wacana,  
Buat renungan kita semua.

Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadirat Allah.  
Alhamdulillah, berkat dan limpah kasih-Nya, maka  
dapat bersama kita berhimpun bagi merayakan  
malis "UNIPRENEUR FIESTA 2024: FROM WASTE  
TO WEALTH RECYCLE WEEK" dan PERASMIAN  
MELATI MINIMART yang penuh bermakna ini.

Saya bagi pihak warga MASMED ingin  
mengucapkan jutaan terima kasih di atas  
kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke  
"UNIPRENEUR FIESTA 2024: FROM WASTE TO  
WEALTH RECYCLE WEEK". Sesungguhnya  
kehadiran tuan-tuan dan puan-puan  
membuktikan komitmen dan sokongan kepada  
pihak Universiti dalam usaha kami  
mempromosikan amalan hijau terutamanya dalam  
pengurusan bahan-bahan terbuang contohnya  
plastik sekali guna di kampus kita ini. Pihak  
kementerian juga telah jelas menyatakan  
komitmen bagi menuju ke arah sifar penggunaan  
plastik sekali guna menjelang tahun 2030.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah  
kepada Jawatankuasa Pelaksana PROGRAM  
"UNIPRENEUR FIESTA 2024: FROM WASTE TO  
WEALTH RECYCLE WEEK" dan PERASMIAN  
MELATI MINIMART yang diterajui oleh PJMA &  
HEP serta Pengurusan bersama MASMED dan  
Fakulti Perakaunan kerana telah memberikan  
komitmen yang tinggi dalam menjayakan program  
ini.

### "FROM WASTE TO WEALTH"

Dalam era globalisasi ini, isu pemanasan global dan pencemaran alam sekitar semakin mendapat perhatian di seluruh dunia. Oleh itu, inisiatif untuk menerapkan amalan hijau dalam semua sektor, termasuk keusahawanan, adalah suatu keperluan mendesak. Di sinilah MASMED memainkan peranan yang sangat penting dalam menggalakkan amalan hijau dalam ekosistem keusahawanan di Malaysia.



Saya telah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Program "UNIPRENEUR FIESTA 2024: FROM WASTE TO WEALTH RECYCLE WEEK" pada kali ini memfokuskan kepada memperkasa pengetahuan, kesedaran tentang amalan pengurusan bahan terbuang dan kreativiti yang boleh menghasilkan pendapatan, khususnya buat para pelajar.

### KEPENTINGAN MENERAPKAN AMALAN HIJAU DALAM KALANGAN SISWAZAH

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Hari ini kita berkumpul untuk membincangkan satu isu yang amat penting dalam dunia keusahawanan, iaitu penggunaan semula barangan terbuang. Kita dapati bahawa isu pemeliharaan alam sekitar telah menjadi tajuk perbualan yang hangat, tidak hanya di kalangan pakar alam sekitar tetapi juga dalam kalangan usahav dan masyarakat umum.



Dalam usaha menangani masalah pencemaran dan pengurangan sisa, penggunaan semula barangan terpakai merupakan salah satu penyelesaian yang paling berpengaruh.

Kita hidup di zaman di mana keperluan untuk menjaga alam sekitar semakin mendesak. Setiap tahun, jumlah barangan yang dibazirkan semakin meningkat, dan ia memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi juga kepada ekonomi. Penggunaan semula barangan terpakai bukan sahaja dapat mengurangkan pencemaran, tetapi juga dapat memberikan pelbagai manfaat ekonomi kepada kita.

Mengolah semula barangan terpakai menjadi barangan yang lebih berguna bukan sahaja memerlukan kreativiti, tetapi juga idea yang inovatif. Terdapat banyak contoh usahawan yang telah berjaya menggunakan idea ini sebagai teras kepada perniagaan mereka.

Mereka mengambil barang-barang terpakai yang mungkin dianggap sebagai sampah oleh orang lain, dan mengubahnya menjadi produk yang berguna dan berharga. Contohnya, barangan daripada kayu terpakai boleh dijadikan perabot yang menarik dan unik. Begitu juga dengan barangan plastik, yang kini boleh diproses semula menjadi pelbagai produk seperti beg dan aksesori lain.

Dalam konteks ini, inisiatif yang diambil oleh usahawan dalam memulihkan barangan terpakai ini bukan sahaja memberi peluang perniagaan kepada mereka tetapi juga menjadi satu cara untuk menyebarkan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar. Melalui kempen-kempen yang diadakan, kita dapat menarik perhatian lebih ramai masyarakat dan memberi pendidikan tentang cara untuk menghasilkan semula dan mengitar semula barangan.

Namun, dalam usaha ini, kita juga memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat. Kerajaan boleh memainkan peranan dengan memberikan insentif kepada usahawan yang terlibat dalam bidang ini, serta memudahkan proses perolehan barangan terpakai untuk diolah semula. NGO pula boleh membantu dengan mengadakan program pendidikan dan kempen-kempen kesedaran yang melibatkan masyarakat.



## SOKONGAN MASMED TERHADAP AMALAN HIJAU

Hadirin serta hadirat sekalian,

Di sinilah peranan besar MASMED yang mana MASMED berfungsi sebagai platform untuk menghubungkan usahawan baru dengan agensi kerajaan dan institusi kewangan yang memberi sokongan kepada inisiatif hijau. Melalui kerjayana ini, kami memastikan bahawa usahawan diberi akses kepada bantuan kewangan dan sumber daya yang diperlukan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan yang hijau dan lestari. Ini adalah langkah penting dalam memastikan kejayaan jangka panjang bagi mereka yang mahu menyumbang kepada kelestarian alam.

Baru-baru ini, delegasi MASMED telah membuat lawatan ke Taiwan untuk meninjau inisiatif kitar semula yang diselenggara oleh warga emas dan bagaimana ia menyumbang kepada pengurangan pencemaran dan kolesterian alam sekitar. Daripada lawatan tersebut, MASMED berhasrat membuka satu outlet yang diberi nama "Uni Thriftique" dengan kolaborasi bersama UiTM Green Centre di UiTM Shah Alam pada masa terdekat. Kita sedang merisik-risik manakah ruang premis yang sesuai untuk penubuhannya.

Sebagai masyarakat, kita juga harus menunjukkan sokongan dengan membeli produk yang dihasilkan daripada barangan terpakai dan mendidik diri serta orang lain tentang kelebihan penggunaan semula. Kita perlu mengubah minda kita dan melihat barang-barang terpakai sebagai peluang, bukan sebagai beban. Dengan cara ini, kita bukan sahaja membantu mengekalkan alam sekitar tetapi juga memberi peluang kepada kemajuan ekonomi.

## HARAPAN, UCAPAN TAHNIAH DAN PENUTUP BICARA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagai penutup, saya ingin menekankan bahawa amalan hijau bukanlah satu pilihan, tetapi satu keperluan. MASMED komited untuk meneruskan usaha ini dan mengajak semua pihak untuk bersama-sama menjadikan UiTM sebuah universiti yang lebih hijau dan lestari. Melalui transformasi keusahawanan hijau, kita bukan sahaja dapat melestarikan alam sekitar, tetapi juga membina masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.

**Mengail ikan di pinggir bendang,  
Hampir terjatuh tersadung sepatu,  
Madani kita, hijau yang terang,  
Alam terpelihara, warisan nan satu.**

**Pergi memancing si ikan toman,  
Sayangnya kail terputus tali,  
Bersama kita jayakan impian,  
Hijau lestari, harapan abadi.**

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan program PROGRAM "UNIPRENEUR FIESTA 2024: FROM WASTE TO WEALTH RECYCLE WEEK" dan PERASMIAN MELATI MINIMART pada kali ini. Terima kasih atas perhatian semua, semoga kita semua diberikan keazaman untuk terus berusaha ke arah menjaga dan memulihara alam sekitar.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.



# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern, multi-story building with a white facade and a dark tiled roof. The building features a prominent sign that reads "KOMPLEKS USAHAWAN" in large, bold, blue capital letters. The building has several windows and a covered entrance area with white columns. The sky is blue with some light clouds.

**KOMPLEKS  
USAHAWAN**